

08/08/1997

Masalah Bakun akan selesai: Dr M

Azhar Abu Samah; Faizal Fadzil; Noor Jaafar

KUALA LUMPUR, khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin masalah yang melanda projek Hidroelektrik Bakun berikutan pertikaian antara Ekran Bhd dan kontraktor utama, Asea Brown Boveri (ABB), akan dapat diselesaikan.

Sambil menegaskan projek Bakun tetap akan diteruskan, Perdana Menteri berkata, kerajaan perlu mengkaji semua aspek terlebih dahulu sebelum membuat keputusan.

"Kita sedang berusaha mencari jalan penyelesaian. Saya yakin kita boleh selesaikan masalah itu... yang penting projek Bakun tetap diteruskan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Syarikat InterAsia Fairs & Exhibition Sdn Bhd, di sini hari ini.

Masalah yang dihadapi projek itu membabitkan perjanjian bagi pembinaan empangan berkenaan, khususnya dalam soal kejuruteraan, perolehan dan pembinaan projek.

Dr Mahathir mengakui beliau sudah menerima laporan berhubung perkara itu daripada Ekran Bhd.

"Dah terima.. adalah sikit... tetapi kita masih kena kaji laporan itu terlebih dahulu," katanya.

Mengenai permintaan ABB supaya kerajaan menjadi penjamin projek Bakun, Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak boleh menjadi penjamin kepada sesuatu yang dirasakannya tidak selamat.

"Kita hanya boleh menjamin jika ia selamat. Kita kena mengkajinya terlebih dahulu kenapa Ekran tidak senang hati dengan perjanjian berkenaan," katanya.

Empangan Bakun adalah antara projek prasarana terbesar di Asia Tenggara, yang mampu menjana 2,400 megawatt elektrik apabila ia siap pada tahun 2003.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kerajaan mahu pertikaian antara Ekran dan ABB diselesaikan melalui rundingan kerana projek itu amat penting kepada negara.

Ketika ditemui di Kuala Terengganu hari ini, Anwar memberi jaminan kerajaan akan memastikan projek berharga lebih RM13 bilion itu tidak tergendala berikutan masalah berkenaan.

Sehubungan itu, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie sudah diarah supaya campur tangan bagi menyelesaikan pertikaian berkenaan.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, kerajaan sedang meneliti masalah antara Ekran dan ABB serta mahu kedua-dua pihak menyelesaikannya sebaik mungkin.

"Empangan hidroelektrik Bakun masih dianggap projek penting dan kerajaan merasakan kita perlu berbuat sesuatu supaya ia jangan tergendala. Kita akan terus memberi sokongan dan perhatian," katanya.

Anwar pada 15 Julai lalu mengesahkan pembinaan projek itu lewat dari jadual ekoran pertikaian berkenaan, tetapi dinafikan oleh Pengerusi Ekran, Tan Sri Ting Pek Khiing berkata, ia hanya masalah kecil.

Dalam pertemuan pertama Ekran-ABB bagi menyelesaikan masalah itu 24 Julai lalu, mereka gagal mencapai kata sepakat menyebabkan mereka terpaksa bermesyuarat semula minggu ini.

(END)